

# Sindiket palsukan ijazah semua IPT di Malaysia

SEBUAH firma yang menyiasat penipuan dalam pekerjaan mendedahkan hampir semua sijil pengajian yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini telah dipalsukan sejak tahun 2010 lagi.

Penyiasatan yang dilakukan oleh Verity Intelligence Sdn. Bhd. itu juga mendapati lebih 400 sijil pengajian palsu dikesan dalam proses saringan ke atas 100,000 pemohon pekerjaan sepanjang tahun ini sahaja.

Lebih 70 peratus daripada sijil pengajian palsu itu menggunakan sijil yang dikeluarkan oleh IPT tempatan manakala selebihnya menggunakan nama

MARK menunjukkan dua sijil pengajian palsu daripada universiti tempatan yang dikesan melalui saringan yang dilakukan Verity Intelligence Sdn. Bhd. di Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

Eksklusif!

Sebuah firma penyiasatan bongkar penggunaan sijil pengajian palsu dalam kalangan pekerja dengan gaji puluhan ribu ringgit

universiti dari luar negara.

Menurut Pengarah Urusan Verity Intelligence Sdn. Bhd., Mark Leow, selain Universiti Teknologi Mara dan Kolej Universiti SEGi, terdapat banyak lagi sijil pengajian IPT lain yang dipalsukan tetapi berjaya dikesan seperti Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia serta Universiti Taylor.

"Kami telah menemui ratusan sijil palsu sejak 2010 lagi.

Kebanyakan sijil yang dipalsukan adalah daripada universiti awam dan terkenal. Sijil dari luar negara pula biasanya menggunakan universiti yang tidak pernah wujud," katanya



SEORANG kakitangan Verity Intelligence Sdn. Bhd. memeriksa profil pekerja yang diberikan oleh pelanggan untuk disaring.

ketika ditemui Kosmo! di pejabatnya di Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

» BERITA DI MUKA 2

» LAPORAN KHAS DI MUKA 21, 22 & 23